



TALKING POINTS

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN HAJI ABANG JULAI
DATUK BANDAR KUCHING UTARA
SIDANG MEDIA &
MAJLIS MENANDATANGANI *MEMORANDUM OF AGREEMENT (MoA)*
DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA BERSAMA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK
9 APRIL 2015 (KHAMIS)
ROTUNDA, ARAS 4, IBU PEJABAT DBKU**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis...

Bismillahirrahmanirrahim.....

Yang Berbahagia Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali
Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak

Yang Berusaha Dr. Saadiah Haji Abdul Samat
Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara

Pegawai-Pegawai Kanan DBKU

Pegawai- Pegawai Kanan UNIMAS

Rakan Media serta

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam 1 DBKU....

Alhamdulillah syukur dirafakkan kehadrat Illahi kerana di atas izinNya maka kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini Sidang Media dan Majlis Menandatangani Memorandum Of Agreement (MoA) di antara Dewan Bandaraya Kuching Utara bersama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak.

Sebagai pembuka bicara saya pada petang ini, pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada para delegasi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak. Terima kasih kerana telah memilih organisasi kami sebagai rakan kerjasama untuk "**Projek Pembinaan Arca Kucing**".

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya telah dimaklumkan bahawa "**Projek Pembinaan Arca Kucing**" ini adalah merupakan usaha sama di antara Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak yang mana ianya akan dimulakan pada bulan ini dan dijangka siap dalam tempoh masa 4 bulan dari sekarang.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, bagi merealisasikan "**Projek Pembinaan Arca Kucing**" ini, kami di Dewan Bandaraya Kuching Utara telah bersetuju untuk menyediakan bahan-bahan terpakai dan bahan kitar semula seperti besi buruk (*Scarp Metal*) yang akan digunakan untuk pembinaan Acra Kucing tersebut. Manakala untuk tenaga kerja bagi pembinaan Arca Kucing pula, ianya akan disediakan oleh pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak.

Secara keseluruhannya, saya berpendapat bahawa kerjasama dan usahasama sebegini adalah sangat baik dan amat dialu-alukan kerana ianya memberikan impak yang sangat positif kepada kedua-dua organisasi yang terlibat. Ini adalah kerana, pada masa yang sama kita dapat bertukar-tukar pandangan berkenaan dengan pembinaan arca kucing dan juga bertukar informasi berkenaan dengan penggunaan bahan-bahan kitar semula. Selain itu, kita juga dapat mewujudkan satu platform yang memberi peluang kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak untuk bekerjasama dengan kita di Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Untuk Dewan Bandaraya Kuching Utara pula, dengan terciptanya ruang dan peluang yang telah dilebarkan ini, kami dapat berkongsi dan menyalurkan pelbagai maklumat dan informasi dalam perlaksanaan projek pembinaan Acra Kucing dan juga pelbagai projek kitar semula yang telah berjaya kami lakukan sebelum ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk makluman, Arca Kucing yang telah siap terbina akan dipamerkan untuk tatapan orang ramai di Esplanade Kuching, Jalan Gambier, Kuching. Diharap dengan adanya Arca Kucing ini, kawasan di sekitar Esplanade, Kuching akan menjadi tumpuan orang ramai dan menjadikan Bandaraya Kuching lebih berseri dan meriah. Ianya juga adalah sejajar dengan Pelan CBS untuk menjadikan Bandaraya Kuching sebuah bandar raya Cantik, Bersih dan Selamat serta popular menjelang tahun 2017.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir kata, adalah besar harapan saya agar "**Projek Pembinaan Arca Kucing**" akan berjalan dengan lancar dan siap dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sebelum mengundur diri, pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak. Semoga kerjasama baik yang telah terjalin di antara kita tidak terhenti di sini sahaja, diharap jalinan mesra yang telah kita bina ini menjadi ruang dan peluang untuk kita melaksanakan projek yang seterusnya.

Sekian....

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....